

Dr. Mahathir rasmikan Larian Kemanusiaan Rakyat Palestin

UM 6 OCT 2002

PUTRAJAYA 5 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Larian Kemanusiaan Rakyat Palestin sebagai simbol sokongan tidak berbehal bahagi Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin menentang pencerobohan Israel.

Program anjuran Yayasan Belia Malaysia berkonsep amal dan kebajikan itu diadakan di Dataran Putra di sini dengan penyertaan lebih 1,500 orang.

Perdana Menteri dalam perutusan sempena larian itu berkata, program larian itu penting bagi menyuarakan

perasaan bimbang rakyat Malaysia terhadap mangsa peperangan.

“Saya yakin program ini juga akan menggalakkan golongan muda supaya memberi lebih perhatian dan sensitif terhadap nasib malang yang menimpa negara lain.

“Secara langsung ia membolehkan anak muda yang bakal memimpin negara pada masa depan lebih mengutamakan kepentingan dan nilai kemerdekaan yang menjadi keperluan mengekalkan perpaduan rakyat negara ini,” kata Dr. Mahathir dalam kenyataan tersebut.

Hadir sama pada program tersebut yang turut ditaja oleh ING Insurance ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Duta Palestin ke Malaysia, Ahmad Al-Farra.

Syed Hamid ketika ditemui pemberita berkata, kehadiran Perdana Menteri pada program itu sudah cukup membuktikan komitmen kerajaan dalam isu Palestin.

“Program larian ini juga menunjukkan simbol sokongan rakyat Malaysia berbilang kaum terhadap apa yang berlaku di Palestin.

Dalam pada itu, Hishammuddin berkata, program seumpama itu perlu diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan rakyat tidak melupakan mangsa penindasan Israel.